

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
PEMBUKAAN PUSAT KEMAJUAN PELADANG,
BUKIT AWANG, PASIR PUTEH, KELANTAN
PADA HARI SABTU 4HB. MAC, 1978,
JAM 3.00 PETANG.

1. Yang Amat Berhormat
Datuk Haji Mohamed Nasir,
Menteri Besar Kelantan.

2. Yang Berhormat Datuk Haji Mustapha Jabar,
Pengerusi Pertubuhan Peladang.

3. Ahli² Yang Berhormat

6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. y. subbagia Pegawai Jajahan

5. Pegawai² Kerajaan

Saya mengucapkan terima kasih

kepada Kementerian

Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang,

khususnya kepada Datuk Haji Mustapha bin Jabar,

..2/-

di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya, meresmikan Pusat Kemajuan Peladang di Bukit Awang ini.

2. Pusat ini akan menjadi nadi pergerakan kegiatan petani di kawasan ini. Sungguhpun bangunan ini tidak begitu tersergam, tetapi ia melambangkan hasrat suci Kerajaan dalam usahanya yang gigih dan tidak putus-putus, memperjuangkan nasib masa depan dan kebajikan petani di tanah air. Nilai dan faedah Pusat ini dalam masa jangka panjang, adalah

jauh lebih tinggi, dari harga dan peruntukan wang bagi membinanya. Saya penuh yakin, Pusat ini akan dapat meningkatkan laqi usaha dan kegiatan petani dan peladang di kawasan ini.

3. Melalui Pusat ini, petani-petani akan dapat menyimpan barang-barang hasil pertanian mereka, mendapat perkhidmatan penjenteraan, bekalan input pertanian dan membolehkan pemasaran hasil-hasil pertanian, serta penyaluran aktiviti-aktiviti pertanian yang berkaitan.

4. Sesungguhnya, Kerajaan sentiasa menjalankan apa jua dalam bidang kuasanya dan keupayaannya, bagi meninggikan lagi taraf hidup rakyat yang miskin dan daif khususnya petani, peladang dan nelayan-nelayan. Bantuan dan subsidi kepada petani dan peladang, di beri oleh Kerajaan menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang dan Koperasi Peladang.

5. Peruntukan bagi negeri Kelantan tahun 1978 ini, selain daripada bantuan subsidi tanaman, Kerajaan Pusat juqa membekalkan

kepada petani dan peladang, 11 buah trektor 4-roda, tiga buah Land Rover dan dua buah lori 3-ton bagi kemudahan pengangkutan hasil mahsul dan lain-lain keperluan, serta sebuah trektor 4-roda 25 kuasa kuda. Pada minggu lalu, Menteri Pertanian telahpun menverahkan sebelas buah trektor 4-roda yang kuasanya lebih daripada 25 kuasa-kuda. Di upacara ini pula, saya diberi peluang menyampaik-
kan sebuah trektor 4-roda 25 kuasa kuda
paikan dua buah lori 3-ton / untuk kegunaan beberapa buah Koperasi Peladang di negeri ini.

6. Kerajaan juga memberi bantuan alat-alat injin bot dan perkakas, serta lain-lain subsidi perikanan, kepada nelayan-nelayan di Kelantan.

Dalam bidang penternakan, Kerajaan Pusat

bertujuan bahagikan sebanyak

1,500 ekor lembu dan kerbau di bawah Rancangan

Lembu Pawah bagi tahun ini. Dalam tahun

lalu, sejumlah 2,182 ekor lembu dan kerbau telah dibagikan di Kelantan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

7. Dalam usahanya melaksanakan pencapaian matalamat Dasar Ekonomi Baru, pembangunan

pesat adalah ditekan dan ditumpukan dalam sektor pertanian. Tiga faktor utama mendorong Kerajaan melaksanakan langkah ini ialah kerana, sektor pertanian mempunyai kadar kemiskinan yang paling tinggi sekali. Kedua, pembangunan sektor ini, boleh memberi peluang pekerjaan yang lebih ramai, bukan sahaja dalam projek-projek pembukaan tanah, bahkan dalam penubuhan perusahaan dan kilang yang berkaitan dengan pembukaan tanah dan perkayuan, serta perusahaan atau kilang yang berasaskan pertanian. Ketika; bidang pertanian

menyumbangkan 45.5 peratus dari jumlah tukaran wang asing.

8. Sebagaimana kita sedia maklum, bahawa Rancangan Malaysia Ketiga, yang berlandaskan kepada objektif Dasar Ekonomi Baru, mempunyai tiga matlamat penting, iaitu membasmi kemiskinan di kalangan rakyat berbilang kaum, meneruskan usaha bagi menyusun semula masyarakat Malaysia, dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara.

9. Sungguhpun keutamaan diberikan terhadap perkara-perkara mengenai keselamatan, Kerajaan tetap menitekberatkan setiap usaha yang bertujuan meninggikan taraf ekonomi dan membaiki keadaan hidup rakyat yang miskin, terutama mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Ini jelas dibuktikan dari peruntukan perbelanjaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, di mana sebanyak \$15,665.156 juta, iaitu 84.9 peratus dari jumlah seluruhnya, adalah dikhaskan bagi bidang socio-ekonomi, berbanding dengan 11.9 peratus bagi keselamatan, iaitu sebanyak \$2,200 juta.

10. Kelantan telah diberi peruntukan sebanyak satu ribu lapan belas juta ringgit, iaitu 5.5peratus daripada keseluruhan jumlah peruntukan negara bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Dari jumlah ini, sebanyak 90.9 peratus adalah diperuntukan bagi pembangunan bidangq socio-ekonomi, termasuklah melaksanakan projek dan rancangan pertanian dan pembangunan luar bandar, pembukaan rancangan-rancangan kemajuan tanah, pembinaan jalan raya, mengadakan bekalan letrik dan air, dan lain-lain projek dalam lapangan pelajaran saperti

sekolah-sekolah serta bidang kesihatan
iaitu kelinik dan hospital.

11. Keutamaan adalah diberikan kepada
projek-projek pembasmian kemiskinan.
Diantaranya ialah pelaksanaan Projek Kelantan
Utara, KADA dan Pembangunan Wilayah Kelantan
Selatan yang saya akan lancarkan di Batu
Gajah esok. Bagi Projek Kelantan Utara
sahaja Kerajaan Pusat telah memberi sumbangan
sebanyak 9.65 juta ringgit untuk perkhidmatan
perkembangan di kawasan tersebut.

12. Sebagai sebuah negeri yang telah keciciran dalam bidang pembangunan socio-ekonomi, adalah menjadi hasrat dan azam Kerajaan Pusat membantu rakyat negeri Kelantan ini sepenuhnya. Oleh kerana pertanian menjadi punca utama pencarian hidup rakyat, Kerajaan Pusat akan menumpukan sepenuh usaha dan tenaganya membantu Kerajaan Negeri dari Barisan Nasional memperjuangkan nasib petani dan peladang serta juga nelayan-nelayan.

13. Saya sukalah berterus terang di sini bahawa tidak ada lain parti yang mempunyai

kemampuan dan keupayaan, tenaga dan kewangan bagi memenuhi hasrat dan harapan rakyat yang tinggi dalam bidang pembangunan melainkan Barisan Nasional. Kejayaan dan Kemajuan di negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung yang terdapat sekarang ini adalah menjadi bukti nyata terhadap kebolehan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang dipimpin dan didukung oleh Barisan Nasional. Saya harap rakyat Kelantan dapat menyedari terhadap perbezaan ini.

14. Perubahan-perubahan kearah kemajuan seperti itu dapat dibawa dan dilaksanakan

di Kelantan ini jika rakyat memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional. Saya berjanji akan menunaikan segala yang termaktub dalam manifesto Barisan Nasional itu, Insya Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

15. Sejak Kerajaan Barisan Nasional ditubuhkan di Kelantan empat tahun yang lalu, sedikit sebanyak ia telah juga dapat membawa perubahan di negeri ini. Peruntukan kewangan dan bantuan telah banyak dicurahkan bagi membantu rakyat Kelantan. Kemajuan dan kejayaan

di bidang pembangunan yang diperolehi dalam masa yang singkat ini adalah lebih dari apa yang telah dapat dicapai oleh Kerajaan Negeri sebelumnya yang telah memerintah Negeri Kelantan selama 13 tahun. Sesungguhnya ini adalah satu hakikat terhadap kebolehan dan kemampuan Barisan Nasional yang sekarang ini menguasai Kerajaan Pusat.

16. Adalah penting parti yang memegang teraju Kerajaan Negeri mestilah sehaluan dan bersefahaman dengan Kerajaan Pusat, supaya segala projek dan rancangan pembangunan

dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jika parti yang mendukung Kerajaan Negeri berlainan dengan parti yang memegang kuasa Kerajaan Pusat, lebih-lebih lagi jika ianya tidak sealiran, maka kerjasama dan persefahaman tidak mungkin dapat diwujudkan. Jika ini berlaku maka keadaan dan suasana negeri ini tentulah sama seperti yang wujud dizaman pemerintahan Kerajaan Negeri sebelum tahun 1974 dahulu. Saya harap setiap rakyat Kelantan dapat memahami hakikat ini supaya apa yang telah dirancang bagi membolehkan rakyat negeri ini menikmati kemakmuran dan

kebahagiaan yang lebih tinggi, dapat terus dilaksanakan dengan jayanya.


17. Akhirnya saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh rakyat dan Kerajaan Negeri Kelantan khususnya kepada Datuk Haji Mohamed Nasir dan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah di atas sambutan meriah setibanya saya di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa pagi ini. Saya harap akan dapat menemui ramai lagi penduduk-penduduk negeri dalam bidang lawatan saya

selama tiga-hari ke Kelantan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Dengan ini saya dengan amat sukacitanya
merasmikan Pusat Kemajuan Peladang Bukit
Awang ini.

Terima kasih.



Gong Kedak



No Siri 345
No Penerimaan 143/80